

PERBANDINGAN DI ANTARA HUKUM SAINS DAN FALSAFAH KETUHANAN

Zainal Kifli b Abdul Razak^{1*}

Fakulti Sains Gunaan
Universiti Teknologi MARA Pahang, 26400 Bandar Jengka

*Corresponding author: *zainalk@uitm.edu.my*

Abstrak: Sains adalah ilmu yang diterima umum oleh manusia sejagat dan dianggap sebagai suatu kebenaran. Dengan perkembangan ilmu sains hari ini hampir semua kejadian alam dapat dijelaskan dengan teori saintifik. Namun ada fakta-fakta tertentu yang berkaitan dengan aqidah Islam, contohnya mukjizat para Rasul dan kejadian hari kiamat yang tidak dapat dijelaskan oleh ilmu sains. Percubaan untuk menjelaskan perkara-perkara ini secara saintifik akan menemui kegagalan. Perkara-perkara itu hanya dapat dijelaskan dengan kepercayaan kepada Tuhan dan bahawa Tuhan mempunyai kuasa mutlak ke atas segala kejadian di alam ini. Pada amnya terdapat tiga kepercayaan tentang bagaimana Tuhan mempengaruhi perjalanan alam ini. Pertamanya Deisme yang mengatakan bahawa tuhan mencipta alam dan kemudian membiarkannya berjalan mengikut hukum-hukumnya. Keduanya Interventionisme iaitu kepercayaan bahawa Tuhan mencipta alam dan kemudian membiarkannya berjalan mengikut hukum-hukumnya, tetapi kadang-kadang Tuhan akan campurtangan dalam hal-hal tertentu. Kepercayaan ketiga ialah okasionalisme iaitu bahawa Tuhan bertindak secara berterusan ke atas segala kejadian di alam ini. Artikel ini akan membincangkan mengenai ketiga-tiga fahaman tersebut berdasarkan kepada hujah-hujah daripada al-Quran dan logik akal.

Kata kunci: sains, ketuhanan, falsafah, ateisme, teisme, wahyu

Pengenalan

Kewujudan Tuhan adalah suatu persoalan yang menjadi polemik di kalangan ahli-ahli falsafah sejak zaman berzaman. Secara amnya ada dua aliran kepercayaan tentang kewujudan Tuhan, iaitu ateisme yang tidak percaya kepada kewujudan Tuhan dan teisme, iaitu fahaman bahawa Tuhan itu wujud. Di dalam agama Islam kepercayaan kepada Tuhan itu adalah merupakan teras kepada aqidah bagi seorang yang beriman. Di dalam al-Quran ada dinyatakan segala sifat-sifat Tuhan yang wajib dipercayai oleh seorang Islam. Begitu juga al-Quran menceritakan segala kejadian dan penciptaan Allah yang telah berlaku, sedang berlaku dan akan berlaku. Segala yang diceritakan di dalam al-Quran itu adalah merupakan ilmu wahyu yang wajib dipercayai oleh seorang yang beragama Islam. Para sarjana Islam membahagikan ilmu kepada ilmu naqli dan ilmu aqli. Ilmu yang ada di dalam al-Quran adalah ilmu naqli iaitu ilmu yang berasaskan wahyu daripada Allah dan ia merupakan suatu kebenaran yang mutlak dan wajib dipercayai oleh setiap orang yang beragama Islam.

Sebaliknya ilmu aqli ialah ilmu yang diperolehi melalui akal fikiran manusia. Sains adalah suatu contoh ilmu aqli kerana ia dikaji melalui kaedah empirikal dan rasional. Ahli-ahli sains mengkaji ilmu sains melalui pemerhatian ke atas fenomena alam, kemudian melakukan eksperimen dan seterusnya merumuskan segala pemerhatian itu secara rasional menggunakan logik akal. Oleh itu sains sebenarnya adalah pendapat ahli sains mengenai alam tabie. Pendapat ini selalunya akan berubah atau diubahsuai dari masa ke semasa apabila ada penemuan baru atau idea baru daripada ahli-ahli sains.

Berdasarkan hakikat bahawa ilmu sains itu adalah hanya pendapat ahli sains dan ia boleh berubah mengikut perubahan zaman, maka ilmu sains bukanlah suatu kebenaran mutlak. Sebaliknya sains adalah suatu kepercayaan yang dianuti oleh seseorang manusia. Ini berbeza dengan Islam yang merupakan suatu ilmu naqli yang diperolehi melalui wahyu daripada Allah. Ilmu wahyu semestinya adalah suatu kebenaran dan kebenaran adalah sesuatu yang tidak berubah mengikut zaman dan sentiasa kekal seperti adanya.

Sains dan Konsep Ketuhanan

Perbezaan utama di antara Sains dan Islam ialah tentang konsep ketuhanan. Bukan sahaja di dalam Islam, malahan bagi setiap agama kepercayaan kepada Tuhan adalah merupakan perkara pokok bagi keimanan. Hanya manifestasi Tuhan itu adalah berbeza mengikut agama. Tuhan di dalam agama Islam yang disebut sebagai Allah adalah pencipta alam dan menguasai segala kejadian yang berlaku di seluruh alam.

Ini adalah amat berbeza sekali dengan sains kerana persoalan Tuhan tidak pernah dibincang di dalam sains. Sains adalah suatu ilmu yang bersifat sekular iaitu suatu konsep di mana ilmu itu adalah terpisah daripada agama. Sains juga adalah ilmu yang berasaskan kajian empirik, iaitu dalam ertikata lain sains hanya mengiktiraf kewujudan sesuatu entiti yang boleh dicerap oleh pancaindera atau dengan perantaraan alatan tertentu. Oleh itu konsep ketuhanan adalah terpisah daripada sains kerana Tuhan tidak pernah dicerap oleh mana-mana eksperimen sains. Tambahan pula dengan kemajuan ilmu sains pada hari ini hampir semua fenomena alam telah dapat dijelaskan dengan teori-teori saintifik. Maka dengan itu konsep ketuhanan seolah-olah tidak lagi diperlukan untuk menjelaskan segala fenomena-fenomena tersebut kerana segalanya adalah berlaku mengikut hukum-hukum alam tabie (Humaidi, 2015). Walaubagaimanapun, sehingga hari ini sains masih gagal untuk menjelaskan beberapa perkara. Salah satu daripadanya ialah tentang bagaimana asalnya kewujudan benda-benda hidup di atas muka bumi ini. Benda-benda hidup iaitu tumbuhan dan haiwan mempunyai struktur yang sangat kompleks dan tidak dapat terjadi dengan sendirinya melainkan mereka adalah dicipta oleh Tuhan. Di sini sains telah terperangkap di dalam suatu konflik kerana hanya konsep ketuhanan sahaja yang dapat menjelaskan kejadian itu sedangkan konsep sekular sains telah menolak ketuhanan (Yahya, 2005).

Peranan Tuhan dalam Kejadian Alam

Seperti yang telah dinyatakan di atas bahawa teisme adalah fahaman bahawa Tuhan itu benar-benar wujud. Di kalangan penganut fahaman teisme ini pula terdapat tiga aliran kepercayaan tentang bagaimana Tuhan berperanan di dalam penciptaan dan perjalanan alam ini. Pertamanya ialah deisme, iaitu fahaman bahawa Tuhan telah mencipta alam dan kemudian membiarkan alam itu bergerak dengan sendirinya mengikut hukum-hukumnya. Mengikut fahaman ini Tuhan tidak pernah campurtangan di dalam perjalanan alam (Muzammil, 2015). Fahaman kedua ialah interventionisme, iaitu bahawa Tuhan mencipta alam dan membiarkan ia berjalan mengikut hukum-hukumnya, tetapi kadang-kadang Tuhan akan campurtangan di dalam perjalanan alam. Apabila Tuhan campurtangan maka berlakulah keajaiban yang tidak dapat dijelaskan oleh hukum alam tabie. Fahaman ketiga yang dipanggil okasionalisme ialah kepercayaan bahawa Tuhan bertindak secara berterusan ke atas alam (Ryadi, 2013). Dengan kata lain setiap kejadian di dalam alam ini daripada sekecil-kecil hingga sebesar-besar kejadian adalah dilakukan secara langsung oleh Tuhan dan Tuhan melakukannya mengikut hukum-hukum yang telah ditetapkan. Namun ada masanya juga Tuhan tidak melakukannya mengikut hukum-hukum alam yang biasa dan ketika itulah terjadinya keajaiban.

Dari segi akidah Islam, fahaman pertama iaitu deisme adalah fahaman yang tertolak kerana ia menolak kepercayaan mengenai segala bentuk keajaiban, seperti mukjizat para Rasul, peristiwa Israk Mikraj, kisah Ashabul Kahfi dan kejadian hari kiamat. Semua peristiwa ini adalah tercatat di dalam al-Quran dan oleh itu wajib dipercayai oleh setiap orang Islam.

Fahaman kedua iaitu interventionisme menganggap bahawa keajaiban boleh berlaku iaitu apabila Tuhan campurtangan di dalam kejadian alam. Begitu juga okasionalisme percaya bahawa apabila Tuhan tidak melakukan sesuatu mengikut hukum-hukum alam maka terjadilah keajaiban. Altaie (2016) berpendapat bahawa kedua-dua fahaman ini, interventionisme dan okasionalisme adalah tidak bertentangan dengan akidah Islam. Walaubagaimanapun, terdapat perbahasan di kalangan para ahli falsafah tentang fahaman manakah yang lebih bersesuaian dengan akidah Islam.

Ketiga-tiga fahaman itu juga mengakui bahawa alam ini berjalan mengikut hukum-hukum tertentu. Hukum-hukum itulah yang menjadi intipati ilmu sains. Walaubagaimanapun, sains tidak mengiktiraf adanya kejadian-kejadian ajaib yang disebut di dalam al-Quran kerana itu semua tidak boleh dibuktikan oleh eksperimen. Sains juga hanya mengiktiraf kewujudan sesuatu fenomena jika ia dapat dijelaskan secara saintifik. Sememangnya segala keajaiban ciptaan Allah seperti mukjizat para Rasul, peristiwa Ashabul Kahfi dan sebagainya adalah di luar ruang lingkup sains dan oleh itu tidak dapat dijelaskan oleh teori-teori sains.

Ayat-ayat al-Quran tentang Kejadian Alam

Seperti yang telah dinyatakan di atas bahawa ahli-ahli falsafah berbeza pendapat tentang fahaman manakah yang lebih bertepatan dengan akidah Islam di antara interventionisme dan okasionalisme. Walaubagaimanapun, banyak ayat-ayat al-Quran yang memberi pengertian secara tersirat bahawa Allah bertindak secara langsung ke atas segala kejadian di alam ini yang mana ia adalah selari dengan fahaman okasionalisme.

Di dalam surah Al-Nur ayat 43 Allah berfirman:

Tidakkah engkau melihat bahawasanya Allah mengarahkan awan bergerak perlahan-lahan, kemudian Dia mengumpulkan kelompok-kelompoknya, kemudian Dia menjadikannya tebal berlapis-lapis? Selepas itu engkau melihat hujan turun dari celah-celahnya. Dan Allah pula menurunkan hujan batu dari langit, dari gunung-ganang (awan) yang ada padanya; lalu Ia menimpakan hujan batu itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya, dan menjauhkannya dari sesiapa yang dikehendakiNya. Sinaran kilat yang terpancar dari awan yang demikian keadaannya, hampir-hampir menyambar dan menghilangkan pandangan.

Di dalam ayat itu jelas dinyatakan bahawa Allah menggerakkan awan, kemudian mengumpulkannya menjadi tebal dan kemudian Dia menurunkan hujan batu dari langit dan menimpakannya ke atas sesiapa yang dikehendakiNya. Di dalam ayat ini Allah menyatakan secara berulang kali bahawa Allah melakukan segala kejadian itu. Begitu juga di dalam ayat berikut:

Tidakkah mereka memperhatikan burung-burung yang dimudahkan terbang di angkasa bebas. Tidak ada yang menahannya selain daripada Allah. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda (kebesaran Tuhan) bagi orang-orang yang beriman. (An-Nahl 16:79)

Ayat di atas menjelaskan bahawa yang menahan burung daripada jatuh ke bumi adalah Allah. Walaupun mengikut hukum alam tabie maka seseorang itu akan berkata bahawa burung

itu diapungkan oleh udara tetapi terdapat penekanan di dalam ayat itu bahawa tidak ada yang menahannya selain daripada Allah.

Selain daripada dua ayat di atas terdapat banyak lagi ayat-ayat di dalam al-Quran yang membawa maksud bahawa segala kejadian di alam ini adalah secara langsung daripada Allah. Namun begitu terdapat juga ahli falsafah yang membantah fahaman ini dengan hujah bahawa tidak mungkin Allah mengetahui setiap perkara kecil yang berlaku di alam ini (Barsihannor, 2010). Ini adalah bertentangan sama sekali dengan firman Allah di dalam surah al-An'aam ayat 59.

Dan pada sisi Allah jualah anak kunci perbendaharaan segala yang ghaib, tiada sesiapa yang mengetahuinya melainkan Dialah sahaja dan Dia mengetahui apa yang ada di darat dan di laut dan tidak gugur sehelai daun pun melainkan Dia mengetahuinya, dan tidak gugur sebutir bijipun dalam kegelapan bumi dan tidak gugur yang basah dan yang kering, melainkan (semuanya) ada tertulis di dalam kitab (Luh Mahfuz) yang terang nyata.

Ayat ini menyatakan bahawa Allah mengetahui segala apa berlaku di darat mahupun di laut sehingga sekecil-kecil kejadian, sekecil gugurnya sehelai daun atau sebutir biji. Maka adalah tidak mustahil bahawa Allah menggerakkan setiap kejadian walau sekecil manapun.

Kejadian Hari Kiamat

Di dalam al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang menyebut tentang kejadian hari kiamat. Hanya waktu terjadinya hari kiamat itu tidak dinyatakan dengan jelas bila akan berlakunya. Ada di kalangan ilmuan yang cuba menjelaskan bagaimana kiamat itu berlaku dari sudut ilmu sains. Ada yang cuba mengaitkan kiamat dengan sesuatu fenomena astronomi, misalnya perubahan yang berlaku pada matahari atau perlanggaran bumi dengan sesuatu objek dari angkasa. Ada juga orang yang meminta pendapat ahli fizik tentang bagaimana berlakunya kiamat dari sudut ilmu sains. Namun semua itu merupakan suatu kesilapan kerana tidak ada asasnya untuk mengatakan bahawa hari kiamat terjadi mengikut hukum alam tabie. Ayat-ayat al-Quran di bawah ini memberi gambaran bahawa peristiwa hari kiamat tidak berlaku mengikut hukum alam tabie.

Mereka menanyakan kepadamu tentang kiamat: "Bilakah terjadinya?" Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang kiamat itu adalah pada sisi Tuhanku; tidak seorang pun yang dapat menjelaskan waktu kedatangannya selain Dia. Kiamat itu amat berat (huru-haranya bagi makhluk) yang di langit dan di bumi. Kiamat itu tidak akan datang kepadamu melainkan dengan tiba-tiba". Mereka bertanya kepadamu seakan-akan kamu benar-benar mengetahuinya. Katakanlah: "Sesungguhnya pengetahuan tentang hari kiamat itu adalah di sisi Allah, tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui".
(Al-A'raf, 7:187)

Apabila bumi digoncangkan dengan goncangannya (yang dahsyat). Dan bumi telah mengeluarkan beban-beban berat (yang dikandung) nya. Dan manusia bertanya: "Mengapa bumi (jadi begini)?" Pada hari itu bumi menceritakan beritanya. Kerana sesungguhnya Tuhanmu telah memerintahkan (yang sedemikian itu) kepadanya.
(Al-Zalzalah, 99: 1-5)

Ayat-ayat ini menceritakan bahawa kiamat itu berlaku secara tiba-tiba dan pada masa itu manusia di dalam keadaan terkejut apabila mendapati bumi bergoncang dengan begitu dahsyat. Ini memberikan gambaran bahawa kejadian kiamat itu berlaku tanpa pernah diduga

oleh sesiapa. Dengan ilmu sains dan teknologi yang maju seperti pada hari ini ahli-ahli sains sudah dapat meramalkan berbagai-bagai bencana yang akan berlaku. Sehingga hari ini tidak ada satu pun teori yang mengatakan bahawa pada suatu masa akan berlaku suatu gempa bumi atau sesuatu bencana pada skala yang meliputi seluruh bumi. Begitu juga ahli-ahli astronomi dapat mencerap segala jenis objek di angkasa lepas dan dapat melihat sekiranya ada sebarang objek besar di angkasa yang sedang bergerak ke arah bumi dan akan memusnahkan bumi. Dengan adanya ramalan seperti itu maka manusia akan berusaha untuk menyelamatkan diri daripada bencana tersebut jika ia diramalkan akan berlaku. Oleh itu apabila dikatakan bahawa manusia dalam keadaan terkejut, maka sudah tentu kejadian yang berlaku itu tidak pernah diramal sama sekali oleh mana-mana teori saintifik.

Secara munasabahnyapun juga tiada sebab mengapa hari kiamat harus berlaku mengikut hukum alam tabie. Hikmah disebalik Allah mencipta hukum alam tabie ini adalah untuk memudahkan kehidupan manusia. Manusia memerlukan suatu peraturan alam yang konsisten supaya kehidupan sehari-hari dapat berjalan dengan baik. Jika peraturan alam sentiasa berubah maka sudah tentu ini akan menyebabkan keadaan yang tidak menentu dan semua orang menjadi keliru tentang apakah yang harus dilakukan untuk meneruskan kehidupan. Hari kiamat adalah pengakhiran bagi kehidupan manusia di dunia. Maka pada hari itu hukum alam tabie sudah tidak bermakna lagi kepada manusia. Oleh itu penjelasan yang lebih munasabah tentang bagaimana terjadinya kiamat ialah ianya tidak berlaku mengikut hukum alam tabie, sebaliknya adalah semata-mata atas kehendak Allah sebagaimana firmanNya:

Dan Dialah yang menciptakan langit dan bumi dengan benar. Dan benarlah perkataan-Nya di waktu Dia mengatakan: "Jadilah, lalu terjadilah", dan di tangan-Nyalah segala kekuasaan di waktu sangkakala ditiup. Dia mengetahui yang ghaib dan yang nampak. Dan Dialah Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui.
(An-An'am, 6:73)

Kesimpulan

Ilmu yang diperolehi daripada al-Quran adalah ilmu wahyu dan oleh itu wajiblah bagi setiap orang Islam untuk berpegang dengannya. Sebaliknya sains adalah pendapat dan rumusan yang dibuat oleh ahli sains mengenai hukum alam yang diperolehi melalui kajian ke atas alam secara empirik. Sains bukanlah suatu ilmu yang mesti diyakini akan kebenarannya walaupun salah satu tujuan mengkaji sains adalah untuk melihat kebesaran Allah. Hanya Allah sahaja yang mengetahui samada teori-teori sains itu benar atau sebaliknya. Sains juga tidak dapat menjelaskan segala keajaiban alam yang diceritakan di dalam al-Quran kerana kejadian-kejadian itu tidak berlaku mengikut hukum alam tabie melainkan semata-mata dengan kuasa mutlak Allah. Apabila berakhirnya dunia pada hari kiamat maka berakhirilah segala hukum-hukum alam tabie yang ada pada hari ini. Apa yang akan berlaku sesudah itu hanya Allah sahaja yang mengetahui.

Rujukan

- Altaie, M. B. (2016). Divine Action from a Modern Islamic Perspective. In *God, Nature and the Cause: Essays on Islam and Science. Islamic Analytic Theology Series* (pp 85 – 117). USA: Kalam Research and Media.
- Barsihannor. (2010). Teori Emanasi Filosof Muslim dan Relevansinya dengan Sains Modern. *AL-FIKR*, 14(3), 461 – 475.

- Humaidi. (2015). Paradigma Sains Integratif Al-Farabi: Pendasaran Filosofis bagi Relasi Sains, Filsafat dan Agama (pp 229 – 230). Jakarta, Indonesia: Sandra International Institute.
- Muzammil, S. (2015). Deisme: Dari Edward Herbert Sampai David Humes. *TAJDID*, XIV(1), 1 – 16.
- Ryadi, A. (2013). Kesadaran Akan Immortalitas Jiwa Sebagai Dasar Etika (Pengantar Filsafat Di Dalam Islam) (pp 33 – 34). Surabaya, Indonesia: Zifatama Publishing.
- Yahya, H. (2005). Penipuan Evolusi (pp 3 – 8). Kuala Lumpur: Saba Islamic Media.